



## Beberapa Permasalahan Sembahyang Orang Yang Menanggung Najis

### (Bahagian Pertama)

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Najis ialah segala kotoran yang menghalang kesahihan sembahyang ketika tiada kelonggaran yang mengharuskannya. Kerana itu tidak sah sembahyang jika ada bersamanya najis pada waktu tiada kelonggaran. Tetapi jika dalam keadaan ada kelonggaran seperti sembahyang orang yang beristinja' dengan batu, maka hukum sembahyangnya sah kerana ia dimaafkan walaupun kesan *istinja'* itu dihukumkan najis. *Istinja'* bermaksud menghilangkan najis yang keluar daripada kemaluan.

Sebahagian ulama mentakrifkan bahawa najis itu ialah setiap sesuatu benda yang haram dimakan secara mutlak ketika dalam keadaan *ikhtiyar* (ada pilihan) serta senang dibezakan, ia haram bukan kerana ia dimuliakan, bukan kerana ia kotor dan bukan kerana ia mendatangkan kemudharatan pada badan dan akal.

Apa yang dimaksudkan dengan *secara mutlak* itu ialah tidak termasuk apa yang diharuskan ketika ia sedikit dan apa yang diharamkan ketika ia banyak seperti candu dan ganja kerana ia suci.

Sementara maksud *ketika dalam keadaan ikhtiyar (ada pilihan)* pula ialah bukan waktu *dharurat* memakannya, kerana ia diharuskan ketika dalam keadaan *dharurat* itu, akan tetapi ia tetap dinamakan najis.

Adapun yang dimaksudkan dengan *senang dibezakan* itu ialah ia haram dimakan jika dapat dibezakan benda itu, akan tetapi ulat buah-buahan, keju dan seumpamanya adalah najis tetapi ia harus dimakan kerana ia sukar dibezakan.

Maksud *ia haram bukan kerana ia dimuliakan* pula ialah tidak termasuk daging manusia kerana ia suci, dan ia haram dimakan bukan kerana najis akan tetapi kerana kemuliaan dan ketinggiannya.

Adapun maksud *bukan kerana ia kotor* ialah tidak termasuk hingus kerana ia suci, dan ia haram dimakan bukan kerana najis akan tetapi kerana kotorannya/jijiknya.

Sementara maksud *bukan kerana ia mendatangkan kemudharatan pada badan dan akal* ialah tidak termasuk apa yang memudharatkan badan seperti racun dan memudharatkan akal seperti candu, kerana ia suci. Ia haram dimakan bukan kerana najis akan tetapi kerana mudharatnya.

Najis terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Najis *mukhaffafah* (najis ringan) iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yang belum sampai umurnya dua tahun, dan belum makan makanan yang mengenyangkan melainkan susu ibu sahaja.
2. Najis *mutawassithah* (najis sederhana) iaitu seperti tahi, darah, muntah dan sebagainya.
3. Najis *mughallazhah* (najis berat) iaitu anjing, khinzir dan kacukan daripada keduanya atau salah satu daripada keduanya.

Orang yang terkena najis atau ada pada dirinya najis sama ada pada badan atau pakaiannya disebut orang yang menanggung najis. Apabila dia hendak mengerjakan sembahyang, maka hendaklah terlebih dahulu dia menghilangkan najis tersebut dan menyucikan tempat yang terkena najis itu. Ini kerana dengan adanya najis itu menghalang kesahihan sembahyang seseorang itu.

Tetapi jika sekiranya najis yang ditanggung itu najis yang dimaafkan sama ada pada badan atau pakaiannya, maka sah sembahyangnya tanpa terlebih dahulu dia menghilangkan najis dan menyucikan tempat yang terkena najis itu.

### **Apakah Dia Najis Yang Dimaafkan Itu?**

Najis yang dimaafkan itu ialah seperti darah kutu, darah nyamuk dan seumpamanya yang tidak mengalir, kerana darah yang ada pada kutu atau nyamuk itu adalah darah yang dihisapnya dari tubuh manusia. Demikian juga, darah atau nanah yang datang dari bisul atau jerawat. Kesemua contoh najis yang tersebut adalah dimaafkan walaupun banyak darahnya, selagi ia bukan berpunca dari perbuatannya sendiri. Jika ia berpunca dari perbuatannya sendiri seperti kutu itu dibunuhnya atau bisul itu dipicitnya sehingga mengeluarkan darah yang banyak, maka darah tersebut tidak dimaafkan melainkan jika ia keluar sedikit sahaja. Selain itu, darah tersebut jika ia bercampur dengan banyak najis yang datang bukan dari diri sendiri seperti darah kucing atau najis yang asalnya datang dari diri sendiri kemudian terpisah lalu mengenainya lagi. Maka ia termasuk dalam najis yang tidak dimaafkan melainkan jika ia bercampur dengan sedikit.

Contoh najis yang dimaafkan itu lagi, ialah najis yang sedikit sama ada najis yang datang bukan dari diri sendiri seperti darah kambing yang mengenai pakaiannya atau najis yang asalnya datang dari diri sendiri kemudian terpisah lalu mengenainya lagi seperti darahnya yang sudah terpisah dari dirinya lalu mengenai pakaiannya. Dalam kedua-dua keadaan ini, najis tersebut adalah dimaafkan jika ia sedikit, akan tetapi jika ia banyak maka tidaklah dimaafkan. Sebagai contoh darah haidh yang sedikit mengenai pakaiannya

atau darah yang keluar dari hidungnya dengan hanya sedikit darah itu mengenai dirinya.

Berbeza halnya jika najis itu *mughalazhah*, ia tidak dimaafkan walaupun hanya terkena sedikit seperti darah anjing.

Adapun kadar banyak dan sedikit yang dimaksudkan bagi najis itu menurut pendapat yang *ashah* ialah merujuk pada adat kebiasaannya. Apa yang pada kebiasaannya seseorang itu terkena najis dan sukar untuk menghindarinya adalah dikira sebagai kadar yang sedikit. Adapun apa yang melebihi daripada itu adalah dikira sebagai kadar yang banyak.

Pendapat yang lain pula, kadar banyak najis itu ialah apa yang nampak oleh mata tanpa perlu melihat dan mencarinya dengan teliti. Sementara sebaliknya pula adalah kadar sedikit najis.

### **Syarat Sah Sembahyang Suci Daripada Najis**

Masalah najis amat berkait rapat dengan sembahyang kerana salah satu daripada syarat sah sembahyang itu ialah suci tubuh badan, pakaian dan tempat sembahyang daripada najis yang tidak dimaafkan.

Suci tubuh badan, pakaian dan tempat sembahyang daripada najis menjadi syarat sah sembahyang adalah berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَتِيَابَكَ فَطَهِّرْ

(4 : )

**Tafsirnya:** “Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan.”

(Surah al-Muddatsir: 4)

Ayat di atas menunjukkan perintah untuk menyucikan pakaian daripada najis dan ia menjadi dalil kepada perintah menyucikan tubuh badan daripada najis secara *qias*.

Diriwayatkan daripada ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha*, beliau berkata:

:

( )

**Maksudnya:** “*Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda: “*Jika datang darah haid maka tinggalkanlah sembahyang, dan jika telah berlalu haidh itu maka bersihkanlah (darah) dari dirimu dan kerjakanlah sembahyang.*”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Hadits di atas dengan jelas memerintahkan untuk menghindari diri daripada najis ketika hendak mengerjakan sembahyang. Maka adalah wajib berkeadaan suci ketika di dalam sembahyang.

*bersambung*